

# Negara perlu generasi pelapis yang setia: Japlin

UB 26.12.2011 A5

KOTA BELUD: Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Usukan, Datuk Japlin Haji Akim berkata negara kita perlu mempunyai generasi pelapis yang setia, bersemangat patriotik dan kaya dengan nilai-nilai murni demi memastikan negara ini dipacu dengan lebih gemilang lagi pada masa hadapan.

Justeru, golongan muda yang menjadi harapan bangsa dan negara pada masa hadapan perlu menerapkan sifat kesetiaan demi memastikan golongan tersebut mampu mewarisi dan memastikan keamanan yang dinikmati pada masa sekarang sentiasa terpelihara.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutupan Program Khemah Kerja Pewaris Muda Perdana 1Malaysia 2011 Peringkat Negeri Sabah di Dewan Mini Kampung Kuala Abai dekat sini kelmarin.

"Jati diri merupakan nilai yang berkait rapat dengan dengan kesetiaan di mana golongan mudah perlu berkorban jiwa dan ragadenggan meletakkan kepentingan negara sentiasa diutamakan," katanya.

Beliau berkata, dengan



**CENDERAKENANGAN ...**Japlin (dua dari kiri) menerima cenderakenangan daripada Poziah sambil diperhatikan oleh Almain (kiri sekali).

men dun ku ng gaga san 1Malaysia, ia menunjukkan usaha para pemimpin negara yang bertungkus-lumus dalam memastikan negara kita menjadi negara bangsa yang aman dan bersatu padu sentiasa mendapat sokongan daripada masyarakat khususnya golongan muda.

"Nescaya golongan tersebut merupakan contoh terbaik dalam mempraktikkan gagasan 1Malaysia melalui nilai-nilai teras yang terdapat di dalam gagasan tersebut agar menjadi ikutan generasi muda di negara ini," katanya yang turut memuji usaha yang dilakukan

oleh Jabatan Penerangan Sabah dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini mampu melahirkan generasi pelapis yang setia dan meningkatkan semangat jati diri dan patriotik di kalangan mereka.

Program yang diadakan selama tiga hari itu berjaya mengumpulkan seramai 48 pelajar daripada Universiti Malaysia Sabah yang mana dua daripadanya pelajar daripada negara China yang sedang mengikuti program pertukaran pelajar di UMS.

Mereka dibahagikan kepada keluarga-keluarga angkat yang mengambil bahagian dan didedahkan dengan kebudayaan dan cara hidup masyarakat kaum Bajau Kota Belud dalam memupuk semangat hidup bersatu padu dan cintakan keharmonian kaum.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Datuk Poziah Haji Abdul Rahman; Pengarah Jabatan Penerangan Sabah, Haji Almain Ajirul; Pengetua Kolej Kediaman Indah Permai UMS, Profesor Madya Dr. Piakong Mohd Tuah; Ketua Penolong Pengarah Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu Jabatan Penerangan Sabah, Materi Marussin.



**SIJIL ...**Poziah (kiri) menyampaikan sijil dan plak penghargaan kepada salah satu keluarga angkat yang mengambil bahagian.